



# GARIS PANDUAN

## GERAN PENYELIDIKAN INOVASI SOSIAL (GIS) (TAHUN 2022)

**Unit Perolehan Geran (UPG)  
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**  
Universiti Teknologi MARA  
Aras 3, Bangunan Wawasan  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8259  
Faks : (+603) 5544 8280

## SENARAI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>M/S</b>
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
<b>Geran Penyelidikan Inovasi Sosial</b>	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Definisi	4
3.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
4.0 Syarat-Syarat Permohonan	4
5.0 Peraturan Kewangan	5
6.0 Peraturan Permohonan	6
7.0 Penilaian Geran	6
8.0 Pemantauan Penyelidikan	6
9.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	7

**FALSAFAH, VISI DAN MISI**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**FALSAFAH**

*Every individual has the ability to attain excellence through the transfer of knowledge and assimilation of moral values so as to become professional graduates capable of developing knowledge, self, society and nation*

**VISI**

*To establish UiTM as a Globally Renowned University of Science, Technology, Humanities and Entrepreneurship*

**MISI**

*To lead the development of agile, professional bumiputeras through state-of-the-art curricula and impactful research*

**GARIS PANDUAN**  
**GERAN PENYELIDIKAN INOVASI SOSIAL**

**1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Geran Penyelidikan Inovasi Sosial (GIS) diwujudkan untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dalam penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi *Globally Renowned University* (GRU) 2025, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.
- 1.2 Geran ini bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan tanpa sempadan di kalangan penyelidik dan menghasilkan penyelidikan yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

**2.0 DEFINISI**

- 2.1 Geran Penyelidikan Inovasi Sosial (GIS) merupakan geran penyelidikan translasi yang dapat menghasilkan produk atau inovasi yang memberikan impak sosioekonomi dan kesejahteraan kepada masyarakat terutama sekali golongan B40.

**3.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK**

Jumlah peruntukan dan jangka masa projek adalah seperti berikut:

- i) Tempoh Geran: 2 Tahun
- ii) Maksimum permohonan bagi geran Penyelidikan Inovasi Sosial (GIS) adalah sebanyak maksimum RM50,000 bagi S&T dan SS.

**4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Geran ini terbuka kepada staf akademik yang berjawatan tetap atau kontrak. Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- 4.1 Berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DM45 atau setara).
- 4.2 Ketua Penyelidik mestilah menyumbang minimum RM 20.00 sebulan kepada Tabung Penyelidikan Universiti (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.

- 4.3 Setiap projek mesti mempunyai ahli penyelidik dua (2) hingga lima (5) orang termasuk Ketua Penyelidik.
- 4.4 Keanggotaan ahli penyelidik daripada kalangan Entiti Kecemerlangan UiTM yang melibatkan bidang SS & S&T sangat digalakkan.
- 4.5 Ketua penyelidik yang mempunyai geran yang aktif adalah dibenarkan memohon geran ini.
- 4.6 Permohonan hendaklah disertakan dengan surat kerjasama bersama masyarakat (contoh; koperasi, persatuan, syarikat start-up).

## **5.0 PERATURAN KEWANGAN**

- 5.1 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, penginapan dan pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 5.2 Bayaran Pembantu Penyelidik (RA/GRA) tidak melebihi RM1,500 sebulan bagi pelajar sarjana dan RM1,800 sebulan bagi pelajar kedoktoran.
- 5.3 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 5.4 Permohonan pembantu penyelidik (RA/GRA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).
- 5.5 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak) adalah tidak dibenarkan. Pembelian adalah untuk kegunaan geran penyelidikan ini sahaja.
- 5.6 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPI dan Pejabat Naib Canselor serta tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik pascasiswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.

- 5.7 Hanya Ketua Penyelidik atau ahli geran penyelidikan sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.
  - ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

## **6.0 PERATURAN PERMOHONAN**

Permohonan geran penyelidikan ini perlu dilakukan melalui sistem atas talian *Portal for Research and Innovation Management (PRIMe)* <https://prime.uitm.edu.my>.

## **7.0 PENILAIAN GERAN**

- 7.1 Permohonan Geran Penyelidikan Inovasi Sosial (GIS) akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPI.
- 7.2 Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat TNCPI kepada Ketua Penyelidik dan salinan kepada penyelidik bersama dan Ketua Jabatan.
- 7.3 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani surat terima tawaran yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

## **8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN**

- 8.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 8.2 Penyelidik WAJIB menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem pengurusan penyelidikan atas talian (PRIMe).
- 8.3 Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama Laporan Prestasi pertama (6 bulan).
- 8.4 Kumpulan Penyelidik perlu mengikuti perancangan penyelidikan dan tempoh di carta perbatuan seperti yang telah dipersetujui semasa permohonan geran. Semakan akan dibuat berdasarkan Laporan Prestasi.
- 8.5 Kegagalan memenuhi perkara 8.2 hingga 8.4 di atas (tanpa justifikasi kukuh) boleh menyebabkan amaran atau geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 8.6 Sekiranya perlu, Ketua Penyelidik perlu memohon pelanjutan secara atas talian melalui sistem PRIMe sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh geran tamat. Perancangan semula penyelidikan harus disertakan bersama permohonan.

- 8.7 Permohonan pertukaran dan penambahan ahli juga dilakukan secara atas talian (PRIMe) dengan keperluan justifikasi yang kukuh dan hanya boleh dilakukan di dalam tempoh 6 bulan pertama projek berlangsung.
- 8.8 Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 8.9 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.
- 8.10 Kumpulan penyelidik juga mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data serta Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017.

## **9.0 KEBERHASILAN PENYELIDIKAN**

- 9.1 Penyelidik mesti menghasilkan dua (2) jurnal berindeks iaitu 1 WOS dan 1 SCOPUS / WOS dengan menyatakan afiliasi Universiti Teknologi MARA.
- 9.2 Penghargaan kepada Geran Penyelidikan Inovasi Sosial (GIS) mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- 9.3 Penyelidik mesti menghasilkan satu laporan kajian impak penyelidikan yang merangkumi impak sosial, ekonomi dan alam sekitar.
- 9.4 Penyelidik mesti menghasilkan satu video pendek berdurasi 3 minit berkaitan hasilan penyelidikan bersama masyarakat.
- 9.5 Hasilan penyelidikan perlu didaftarkan sebagai Harta Intelek.
- 9.6 Penerima diharap untuk memohon geran-geran yang serupa seperti Program Inisiatif Inovasi Sosial Malaysia (MyIS) di bawah inisiatif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).